

Indonesia, Vietnam, Perang Dingin dan Dasar Berkecuali: Hubungan Vietnam-Indonesia Era Presiden Sukarno sehingga 1966

Ahmad Zainudin Husin

Abstract

The end of the Second World War in 1945, saw a number of Southeast Asian countries fighting for their independence. Indonesia and Vietnam were among the countries that fought for their independence from the Dutch and French. After the demise of Western dominion, these two countries chose to implement neutral and anti-imperialist foreign policies. As anti-imperialist countries, Indonesia and Vietnam always criticized Western imperialistic activities especially in Southeast Asia. However, after the Geneva Conference 1954, North Vietnam (1954-1975) became Communist, whereas South Vietnam and Indonesia non-Communist countries. Indonesia showed sympathy towards North Vietnamese struggle to unify both Vietnamese regions. Indonesia was also in conflict with the West in her attempt to make her own regional claims. Because of this, these two Southeast Asian countries were always labeled as pro-Communist countries by the West. This article discusses the situation of non-alignment countries in Southeast Asia with reference to Indonesia and North Vietnam.

Keywords Cold war and anti-imperialisme.

Abstrak

Tamatnya Perang Dunia Kedua pada 1945, memperlihatkan sebilangan negara-negara di Asia Tenggara memperjuangkan kemerdekaan masing-masing. Indonesia dan Vietnam merupakan antara negara yang terlibat dalam perjuangan kemerdekaan daripada Belanda dan Perancis. Setelah kemerdekaan dicapai, kedua-dua negara ini mengamalkan dasar luar berkecuali dan anti penjajah. Sebagai sebuah negara berkecuali, Indonesia dan Vietnam selalu mengkritik penjajahan Barat khususnya di Asia Tenggara. Walau bagaimanapun selepas Perjanjian Geneva 1954, Vietnam Utara (1954-1975) menjadi Negara Komunis manakala Indonesia dan Vietnam Selatan merupakan Negara bukan-Komunis. Indonesia bersimpati dengan perjuangan Vietnam Utara dalam menyatukan seluruh Vietnam. Indonesia

berkonflik dengan kuasa Barat kerana berikutan usahanya menetapkan persempadannya. Oleh itu Indonesia dan Vietnam selalu dilabelkan sebagai negara pro Komunis oleh Negara Barat. Artikel ini membincangkan kedudukan Negara-negara Berkecuali di Asia Tenggara dengan merujuk kepada Indonesia dan Vietnam.

Kata kunci Perang Dingin dan Anti-penjajahan

PENDAHULUAN

Berakhirnya Perang Dunia Kedua memperlihatkan satu demi satu negara-negara Asia Tenggara memperoleh kemerdekaan daripada penjajah Barat. Kemerdekaan negara-negara ini menjuruskan mereka memilih pendekatan dasar luar masing-masing sama ada 'memihak' atau 'berkecuali'. Kemerdekaan era ini wujud dalam kerangka Perang Dingin yang tidak memberikan kedaulatan mutlak kepada rantau ini sebaliknya menjadikannya terus terikat dengan negara-negara kuasa besar atas nama Komanwel atau Program Bantuan.¹ Keadaan ini menjerumuskan rantau Asia Tenggara ke dalam persaingan ideologi pro-Komunis dan anti-Komunis. Negara-negara berkecuali pula dilabelkan golongan pro-Barat sebagai pro-Komunis kerana mereka menjalinkan hubungan dengan negara tersebut. Pada tahun 1954 Perang Dingin turut membawa kepada kemerdekaan tidak lengkap kepada Vietnam.² Ia menyebabkan negara ini dijadikan medan persaingan antara blok anti Komunis dan pro-Komunis. Vietnam Utara merupakan negara pro-Komunis dan Vietnam Selatan sebagai negara anti-Komunis. Perang Vietnam II atau Perang Penyatuan Vietnam 1960-1975 merupakan elemen memperkuatkan kebergantungan mereka kepada kuasa besar iaitu Amerika Syarikat, Soviet Union dan China.

Artikel ini membincangkan hubungan Vietnam dengan Indonesia sejak Perjanjian Geneva 1954 sehingga 1966. Tujuannya ialah bagi menganalisis implikasi dasar berkecuali yang diamalkan Indonesia era Perang Vietnam. Fokus analisis adalah tertumpu kepada amalan dasar luar 'berkecuali' dalam kerangka Perang Dingin antara tahun 1954-1966.

LATAR BELAKANG DASAR LUAR VIETNAM DENGAN INDONESIA

Dasar Luar Vietnam Utara

Kerajaan Republik Demokratik Vietnam (DRV) yang memerintah Vietnam Utara menerima pengiktirafan antarabangsa sebelum perjanjian Geneva 1954

lagi. Michael Leifer mentarikhkan Democratic Republic of Vietnam (DRV) mula menerima pengiktirafan antarabangsa daripada negara-negara pro-Komunis sejak awal 1950.³ Dasar luar Vietnam Utara digubal oleh pemimpin Parti Lao Dong (Parti Buruh/Pekerja) dan dilaksanakan menerusi Kementerian Hal-Ehwal Luar negara tersebut. Dokumen berkait dengan dasar luar Vietnam Utara (DRV) boleh diperoleh melalui ucapan atau kenyataan pihak atasan parti atau pemimpin kerajaan, suntingan dan artikel-artikel yang terdapat dalam penerbitan rasmi parti seperti *Nhan Dan (The People)* dan *Hoc Tap (Studies)* dan penyiaran oleh radio Hanoi.⁴ Sebagai negara Komunis, dasar hubungan luar Vietnam Utara lebih tertumpu kepada negara-negara yang mengamalkan ideologi yang sama iaitu Komunis. Ini berkait rapat dengan persamaan dogma politik, objektif ekonomi dan sosial serta struktur kuasa yang bercorak totalitarian. Dasar ini berasaskan kepada dua perspektif iaitu; hubungan dengan Negara Komunis China dan Soviet Union (atas dasar persamaan ideologi), hubungan dengan Amerika Syarikat dan negara-negara yang mempunyai pakatan dengan Washington. Hanoi mengambil pendekatan bercorak neutral dalam hubungan dengan Negara Kuasa Besar Komunis iaitu China dan Soviet Union.⁵ Ia cuba mengelakkan daripada terlibat dalam perselisihan antara Beijing dan Moscow kerana Hanoi memerlukan bantuan ketenteraan dan ekonomi daripada kedua-dua kuasa tersebut.

Hubungan Republik Demokratik Vietnam (DRV) dengan Amerika Syarikat 1954-1975 sentiasa dibayangi oleh tanggapan bahawa, masalah-masalah yang timbul di Vietnam adalah berpunca daripada dasar kuasa besar tersebut yang agresif ke atasnya. Hanoi juga berpegang kepada prinsip bahawa segala masalah di Vietnam mestilah diselesaikan oleh orang Vietnam tanpa campur tangan pihak lain.⁶

Hubungan Hanoi-Washington berada dalam suasana konflik selepas Perjanjian Geneva 1954. Masalah ini berkait rapat dengan usaha Vietnam Utara untuk menyatukan kedua-dua Vietnam di bawah pemerintahan Hanoi. Perjuangan menentang Amerika Syarikat dan sekutunya berkembang dalam kerangka Perang Dingin apabila persengketaan ini melibatkan blok Komunis pimpinan Soviet Union dan China dengan blok anti-Komunis pimpinan Amerika Syarikat.⁷

Vietnam Utara menjadikan usaha pembentukan satu Vietnam sebagai asas pembentukan dasar luarnya. Usaha menyatukan Vietnam perlu dilaksanakan walaupun terpaksa memerangi pakatan Saigon dengan Washington. Objektif utama dasar luar Hanoi terkandung dalam Kongres Ketiga Parti Komunis Vietnam pada 1960. Pengumuman berhubung dengan tugas strategik Vietnam Utara ialah antara lain “membebaskan selatan dari diperintah oleh penjajah Amerika Syarikat dengan sekutunya, mencapai penyatuan kebangsaan serta kemerdekaan penuh dan kebebasan seluruh negara”.⁸ Hanoi berpendapat usaha ini perlu dilakukan oleh seluruh masyarakat Vietnam Selatan melalui

pertubuhan pembebasannya *National Front for the Liberation of South Vietnam* (NFLSV) atau juga dikenali Viet Cong).⁹ Untuk melaksanakan tugas strategik tersebut Hanoi menyokong gerakan NFLSV. Ini bertujuan untuk mendokong pendirian Hanoi yang menganggap NFLSV merupakan gerakan yang benar-benar mewakili hasrat seluruh masyarakat Vietnam Selatan. Pendirian ini memperlihatkan perjuangan penyatuan Vietnam ini bukannya perjuangan yang terpisah dari aspirasi seluruh masyarakat Vietnam. Ia berbeza sama sekali dengan matlamat perjuangan Kerajaan Saigon yang ingin membentuk sebuah negara yang terpisah yang dianggapnya sebagai bertentangan dengan aspirasi seluruh masyarakat Vietnam.

Oleh itu perjuangan Vietnam Selatan itu tidak dapat diterima Hanoi. Seperti yang dinyatakan dalam majalah *Hoc Tap* iaitu, "Hanoi tidak sekali-kali mengiktiraf Saigon...kerajaan itu dianggap tidak sah jika dilihat berasaskan kepada Perjanjian Geneva 1954 kerana ia tidak pernah mengakui perjanjian tersebut dan mengkhianatnya".¹⁰ Majalah ini turut mengakui komitmen NFLSV dalam melaksanakan klaus perjanjian Geneva 1954 sebaik mungkin. Ini menyebabkan ia disokong oleh kerajaan Hanoi.¹¹ Kenyataan *Hoc Tap* ini memperlihatkan Hanoi tidak ada kaitan dengan penubuhan Viet Cong. Ia sekadar menyokong hasrat pertubuhan tersebut untuk membebaskan Vietnam Selatan dan membentuk Vietnam yang bersatu. Walau bagaimanapun kenyataan ini masih boleh dipertikaikan dengan analisis Hoang Ngoc Thanh and Than Thi Nhan Duc berhubung faktor meletusnya Perang Vietnam. Menurutnya penubuhan National Liberation Front (NFLSV) atau Viet Cong pada Disember 1960 adalah diusahakan Hanoi bagi melancarkan gerakan bersenjata ke arah penyatuan Vietnam boleh dipertikaikan.¹² Analisis Hoang Ngoc Thanh and Than Thi Nhan Duc ini boleh diterima berdasarkan hujah yang menunjukkan wujudnya hubungan langsung antara NFLSV dengan Hanoi seperti penggunaan 'Ho Chi Minh Trail' sebagai laluan penghantaran bekalan serta pengiktirafan langsung Hanoi terhadap pertubuhan tersebut sebagai pejuang sebenar Vietnam Selatan dan bukannya Saigon.

Kerajaan Hanoi bersetuju dengan Perjanjian Geneva 1954 kerana ia menetapkan pembahagian Vietnam Utara dan Vietnam Selatan pada garisan lintang 17⁰U adalah bersifat sementara sehingga satu pilihan raya yang memberikan kemerdekaan penuh kepada Vietnam. Artikel 1 Perjanjian Geneva menetapkan sempadan ketenteraan sementara dibuat yang membahagikan Vietnam di garisan lintang 17⁰U. Sebagai tambahan, Zon tanpa tentera (*demilitarized zone*) ditetapkan sepanjang 3 km setiap bahagian. Sempadan sementara yang membahagikan Vietnam kepada dua Zon ini akhirnya menjadi sempadan politik yang kekal antara Vietnam Utara dengan Vietnam Selatan. Artikel 1 perjanjian ini berbunyi:

[A] provisional military demarcation line shall be fixed, on either side of which the forces of the two parties shall be regrouped after their withdrawal, the forces of the People's Army of Viet-Nam to the north of the line and the forces of the French Union to the south.

*The provisional military demarcation line is fixed as shown on the map attached (omitted). (17th parallel) It is also agreed that a demilitarized zone shall be established on either side of the demarcation line, to a width of not more than 5 km from it, to act as a buffer zone and avoid any incidents which might result in the resumption of hostilities.*¹³

Walau bagaimanapun, perjanjian ini dianggap sebagai satu usaha sabotaj terhadap seluruh masyarakat Vietnam apabila Amerika Syarikat menyokong Vietnam Selatan mengekalkan pembahagian Vietnam. Ngo Dinh Diem yang disokong Washington juga menolak pilihan raya penyatuan negara itu. Penubuhan Kerajaan Saigon yang terhasil daripada “perjanjian Geneva 1954” itu merupakan satu bukti pengkhianatan yang dimaksudkan. Walaupun begitu Hanoi optimis pemulihan keadaan boleh dilaksanakan melalui “membetulkan” perjanjian tersebut diperingkat perlaksanaan. Oleh itu sokongan Hanoi ke atas Viet Cong berasaskan prinsip perjuangan ke arah “kemerdekaan, demokrasi, keamanan dan berkecuali”. Mereka melabelkan kerajaan Saigon sebagai kerajaan yang menjual negara kepada “*the United States aggressors and bringing courtless calamities to the country and the peoples*”.¹⁴

Hanoi berpendirian, konflik di Vietnam adalah disebabkan akan usaha “sabotaj secara sistematik” yang dilakukan oleh Amerika Syarikat. Penglibatan Amerika Syarikat dalam konflik Vietnam dianggap sebagai perang tanpa pengisytiharan (*undeclared war*) dan sebagai satu bentuk penjajahan ke atas Vietnam dan Indo-China. Ia turut dianggap sebagai satu usaha untuk menjadikan wilayah Vietnam sebagai pengkalan tentera Amerika Syarikat untuk menjayakan matlamatnya memerangi negara-negara Sosialis dan gerakan pembebasan kebangsaan di Indochina dan Asia Tenggara.¹⁵

Hanoi memegang prinsip bahawa usaha memerangi Amerika Syarikat dan sekutunya adalah menjadi tanggungjawab seluruh orang-orang Vietnam. Ini berikutan sikap Amerika Syarikat yang menyokong pembentukan Vietnam Selatan itu bukan sahaja mengingkari perjanjian Geneva 1954 tetapi menghalang kemerdekaan penuh Vietnam. Hanoi mendakwa negaranya memikul tanggungjawab berat dan mendapat penghormatan yang tinggi untuk berdiri di barisan hadapan di kalangan seluruh gerakan perjuangan dunia untuk menentang perluasan kuasa Amerika Syarikat. Tanggungjawab ini disifatkan oleh Ho Chi Minh pada April 1966 sebagai “satu tugas berat yang amat membanggakan”.¹⁶ Perjuangan menyatukan Vietnam lebih bersemangat lagi pada akhir 1966, apabila lebih 10 juta penduduk Vietnam Selatan menyokong perjuangan menentang Amerika Syarikat.

Usaha menjelaskan matlamat dan mendapatkan pengiktirafan terhadap perjuangan menyatukan Vietnam turut dilaksanakan di persidangan antara-bangsa yang dianggotainya. Ini jelas dalam Persidangan Bandung pada April 1955, Perdana Menteri Vietnam Utara, Pham Van Dong, secara terbuka memohon pengiktirafan terhadap usaha penyatuan politik Vietnam.¹⁷ Ini mendapat reaksi positif daripada Indonesia yang kemudiannya mengadakan hubungan diplomatik dengan Vietnam Utara.

Dasar Luar Vietnam Selatan

Selepas Perjanjian Geneva 1954 ditandatangani, Vietnam Selatan diterajui Kerajaan pimpinan Bao-Dai di Vietnam Selatan yang tidak mendapat sokongan ramai. Ia tidak memiliki kuasa ke atas kerajaan Saigon sepenuhnya kerana kegagalan mendapatkan sokongan golongan nasionalis berikutan hubungan rapatnya dengan kuasa kolonial. Dari aspek politik, beliau tidak mampu bertahan jika tiada sokongan Perancis. Pada Jun 1954 Bao Dai melantik Ngo Dinh Diem iaitu seorang nasionalis beragama Kristian serta pro-Amerika Syarikat sebagai Perdana Menteri. Oleh itu tidak hairanlah mengapa kerajaan baru Diem menerima bantuan daripada Amerika Syarikat dari aspek politik, kewangan dan ketenteraan.¹⁸ Beliau berjaya menstabilkan politik Vietnam Selatan untuk beberapa tahun. Melalui pungutan suara yang dikawal kerajaan yang dilakukan pada Oktober 1955, serta sokongan Amerika Syarikat, Diem memecat Bao Dai dari jawatan ketua negara. Beliau mengisytiharkan nama Vietnam Selatan sebagai Republik Vietnam dengan beliau sendiri sebagai Presiden yang berkuasa penuh.¹⁹ Atas dorongan Amerika Syarikat yang ingin mengekalkan pembahagian dua Vietnam Diem juga enggan mengadakan pilihan raya umum. Walaupun pilihan raya itu hanya diadakan untuk memilih ahli Constituent Assembly Vietnam Selatan pada Mac 1956.²⁰ Keadaan ini tidak disenangi oleh Vietnam Utara, kerana tindakan Diem melanggar Perjanjian Geneva 1954 dan menganggapnya bercanggah dengan aspirasi masyarakat Vietnam untuk merdeka sebagai sebuah negara.

Vietnam Selatan mendapat bekalan peralatan dan satu misi ketenteraan untuk menggantikan pegawai-pegawai Perancis dalam melatih tentera seramai 150,000 orang. Bantuan ekonomi juga diterima melalui Amerika Syarikat. Tentera Perancis yang ditempatkan di Vietnam Selatan selepas kehilangan Vietnam Utara dikeluarkan atas kehendak Diem. Vietnam Selatan pimpinan Diem juga menghentikan penggunaan matawang Perancis dan menggunakan mata wang Amerika Syarikat dalam urusan perdagangan luar negara. Ini menimbulkan kekecewaan dan ketidakpuasan hati Perancis terhadap dasar Presiden Diem. Kesan politik dasar Ngo Dinh Diem ini telah mengubah Vietnam Selatan daripada di bawah lingkungan pengaruh Perancis kepada Amerika Syarikat. Ini memperlihatkan sikap Ngo Dinh Diem yang terang-

terangan berusaha mendokong matlamat Amerika Syarikat dalam perjuangan anti-Komunisnya. Dasar Ngo Dinh Diem ini bertujuan memastikan Vietnam Selatan sentiasa memperoleh bantuan langsung dari Amerika Syarikat memandangkan penjana ekonomi di negara tersebut tidak lancar ekoran peperangan. Dasar pro-Barat yang keterlaluan ini memberi implikasi kepada hubungannya dengan negara-negara berkecuali di Asia Tenggara khususnya Indonesia.

Dasar Luar Indonesia

Dasar berkecuali Indonesia bergerak dalam kerangka Perang Dingin serta kebimbangan terhadap penjajahan baru (*neo-colonialist*) yang lebih ditujukan kepada pakatan Barat diketuai Amerika Syarikat. Era pemerintahan Sukarno (1949-66) yang lebih popular dengan konsep “Demokrasi Terpimpin” sejak 17 Ogos 1945 menjadikan konsep ‘berkecuali’ sebagai prinsip dasar luar negara. Dari satu perspektif, dasar ini merealisasikan matlamat Sukarno untuk mewujudkan sebuah negara Indonesia berteraskan prinsip ‘Dari Sabang Sampai Merauke’. Konsep ini merupakan teras dalam mewujudkan negara Indonesia yang termasuk di dalamnya Irian Barat dan Borneo. Dari perspektif lain seperti yang disifatkan oleh Subandrio, prinsip ‘berkecuali’ menjadikan Indonesia sebagai terasing dari negara-negara Asia Tenggara kerana tidak mengganggotai mana-mana pertubuhan serantau.²¹ Keadaan yang bebas dari sebarang pengaruh luar ini mendorong Indonesia mengamalkan dasar berkecuali dalam hubungan luarnya. Ini membolehkannya mengadakan hubungan dengan mana-mana negara tanpa mengira fahaman politik. Persekitaran politik antarabangsa yang memperlihatkan persaingan antara blok Komunis dengan anti Komunis turut mengesani Indonesia. Memandangkan sikap prejudis blok Barat yang diketuai oleh Amerika Syarikat terhadap golongan anti-Barat, menyebabkan Indonesia dianggap sebagai sebaris dengan Vietnam Utara. Keyakinan ini diperkukuhkan lagi dengan penubuhan “Kabinet Gotong Royong” yang melibatkan anggota Partai Komunis Indonesia (PKI) menjadi sebahagian daripadanya.

Pandangan serong Amerika Syarikat ini dijelaskan secara panjang lebar oleh Kahin khususnya berhubung dengan kegiatan subversif negara kuasa besar tersebut yang disokong golongan pro-Barat untuk menjatuhkan Sukarno.²² Donald G. McCloud pula menyifatkan dasar luar Indonesia era Sukarno memperlihatkan sentiasa turun-naik serta amat berkait rapat dengan perkembangan dalam negara. Pada permulaannya Indonesia mengamalkan dasar luar yang bersifat berkecuali dan pro-Barat.²³ Dasar luar Kabinet Hatta (Disember 1949 hingga Ogos 1950) menjurus kepada hubungan dengan seluruh negara Kuasa Besar Eropah serta negara-negara berkecuali tetapi tidak dengan negara-negara pro-Komunis.²⁴ Ketika kabinet Natsir (September 1950 hingga Mac 1951) pendirian Indonesia turut memperlihatkan kecenderungan

kepada dasar berkecuali contohnya berhubung dengan isu Perang Korea (1950-53). Wakil Indonesia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu memilih jalan tengah dalam perdebatan berhubung dengan Perang Korea dan berkecuali dalam pengundian untuk melebelkan China sebagai sebuah negara pengganas (aggressor). Pada pertengahan tahun 1950-an, Indonesia mengamalkan dasar luar berkecuali untuk melindungi negaranya dari ancaman Belanda dan sekutunya. Kerajaan Sukiman (April 1951 hingga Februari 1952), pula mengambil pendekatan berbeza khususnya terhadap Amerika Syarikat. Dasar luar di bawah pimpinan Menteri Luarnya, Subardjo bersikap pro-Barat. Dasar tersebut disifatkan oleh Jon M. Reinhardt sebagai “penyumbang besar kepada kejatuhannya.”²⁵

Antara tindakan kontroversinya ialah menandatangani perjanjian dengan Jepun di San Francisco.²⁶ Perjanjian ini diharapkan akan membolehkan Indonesia mendapatkan ganti rugi yang terbaik daripada Jepun akibat pendudukan kuasa tersebut di sana ketika Perang Dunia Kedua (1941-1945). Tambahan pula dengan pandangan sesetengah kumpulan yang melihat Indonesia merupakan kawasan yang strategik dari aspek geografinya kepada negara lingkungan Amerika Syarikat dengan Britain. Oleh itu bantuan daripada luar untuk menghadapi ancaman Komunis sama ada dari dalam mahupun antarabangsa amat diperlukan Indonesia.²⁷ Dasar pro-Barat ini turut dilaksanakan oleh penggantinya iaitu kabinet Wilopo (April 1952 hingga Jun 1953). Berbeza dengan kabinet Ali Sastroamidjojo (Julai 1953 hingga Julai 1955), dasar luar Indonesia memperlihatkan pendekatan yang lebih berkecuali. Era pemerintahan kabinet Ali memperlihatkan Persidangan Afro-Asian iaitu persidangan negara-negara berkecuali diadakan di Bandung. Ketika ini isu Irian Barat²⁸ begitu sensitif sehingga menjejaskan hubungannya dengan kuasa Barat. Isu ini menjadi agenda utama dalam era pemerintahan seterusnya iaitu era kabinet Burhanuddin (Ogos 1955 hingga Mac 1956) dan kabinet Ali kali kedua (Mac 1956 hingga Mac 1957). Hubungan Indonesia dengan kuasa Barat semakin renggang pada 1964 apabila wujudnya paksi “Jakarta-Hanoi-Peking”.²⁹ Selepas Suharto mengambil alih kuasa daripada Sukarno pada Mac 1966, berlakunya perubahan ketara dalam dasar luar Indonesia. Ia menukar dasar luarnya kepada pro-Barat di samping mempertahankan kemerdekaannya.

Hubungan Vietnam Dengan Indonesia

Vietnam dengan Indonesia mempunyai banyak persamaan dari segi pengalaman menghadapi kuasa Barat. Di samping terpaksa mendapatkan kemerdekaan melalui pertumpahan darah, mereka turut berhadapan dengan kerenah kuasa Barat dalam usaha masing-masing menyatukan wilayah-wilayahnya. Pengalaman yang pahit ini mendorong Vietnam dan Indonesia memilih dasar luar berkecuali sebagai asas hubungan dengan negara-negara

lain. Dasar ini bertentangan dengan jirannya yang lain di rantau Asia Tenggara yang mengambil pendekatan memihak kepada Barat. Indonesia memutuskan hubungan diplomatiknya dengan Belanda pada Ogos 1960 atas kecenderungan tersebut dan menerima bantuan ketenteraan daripada Kesatuan Soviet.³⁰ Hubungan baik dengan Kesatuan Soviet mendorong kepada hubungan baiknya dengan negara-negara Komunis yang lain. Prinsip berkecuali dan anti-penjajah merupakan prinsip asas hubungan Indonesia dengan kedua-dua negara Vietnam.

Seperti yang telah dibincangkan, Vietnam Utara mempunyai hubungan baik dengan Indonesia sejak awal penubuhan dua Vietnam lagi. Hubungan ini diperkukuhkan dengan lawatan Ho Chi Minh ke Jakarta pada 28 Februari 1959.³¹ Sokongan Sukarno terhadap perjuangan Ho Chi Minh cukup padu. Beliau menganggap Ho Chi Minh sebagai *“a great fighter for freedom, a fighter against imperialism and colonialism, a hard worker for social justice”*.³² Pendirian Indonesia terhadap Vietnam adalah jelas iaitu keduanya mempunyai landasan perjuangan yang sama iaitu perjuangan untuk adicita politik yang sama iaitu sebuah dunia, *“bebas daripada imperialisme dan kolonialisme”*.³³ Kedua-dua negara ini juga mempunyai masalah penyatuan negara iaitu Vietnam Utara dengan Selatan manakala Indonesia pula berhadapan dengan masalah penyatuan dengan Irian Barat.³⁴ Seperti yang dinyatakan dalam ucapan Sukarno sempena lawatan Ho Chi Minh. Antara ucapannya, *“We are sure of one thing, that Indonesia will be completely free. I mean, one day West Irian will be ours and I am sure the whole of Vietnam will be completely free”*.³⁵

Ho Chi Minh pula menganggap Sukarno sebagai pejuang keamanan yang utuh dan bersahabat dengan semua bangsa. Beliau yakin yang lawatannya dapat memperkukuhkan persahabatan yang sedia ada antara kedua-dua negara. Ia turut memperkukuhkan kesepaduan dalam kalangan bangsa Asia dan Afrika juga pertahanan serta keamanan Asia Tenggara khususnya dan dunia amnya.³⁶

Hubungan baik dengan Vietnam Utara menyebabkan Indonesia mengiktiraf sayap Viet Minh di Vietnam Selatan iaitu *“National Liberation Front of South Vietnam”* (kemudiannya disebut Viet Cong).³⁷ Hubungan rasmi dengan pertubuhan ini bermula pada 22 September 1962, dengan kehadiran satu delegasi dari Komunis Viet Cong ke di Jakarta. Kehadiran delegasi Viet Cong ke Jakarta ini bertujuan untuk mendapatkan pengiktirafan daripada Indonesia terhadap perjuangannya di Vietnam Selatan. Mereka diberi sambutan rasmi negara dengan hamparan permaidani merah. Sambutan seperti ini hanya diberikan kepada pemimpin negara yang mempunyai hubungan diplomatik dengan Indonesia.

Tidak hairan yang lawatan Viet Cong ke Indonesia ini mengeruhkan hubungan Indonesia dengan Saigon apabila kunjungan ini mendapat bantahan

daripada pegawai diplomatik Vietnam Selatan.³⁸ Jelas yang sambutan seperti ini merupakan petanda kepada Vietnam Selatan bahawa Indonesia memberikan pengiktirafan secara rasmi kepada perjuangan Viet Cong di Vietnam Selatan. Anggota delegasi Viet Cong diberi penghormatan untuk mengadakan perbincangan dengan Presiden Sukarno pada 27 September 1962. Ini menunjukkan pentadbiran Jakarta mengiktiraf delegasi Viet Cong sebagai delegasi negara. Hasil perbincangan pemimpin Indonesia dengan pemimpin Viet Cong ini membawa kepada satu termeterinya satu *joint communiqué* antara Viet Cong dengan Jawatankuasa Keamanan Indonesia (yang dipengaruhi Komunis) pada hari berikutnya. Antara lain *joint communiqué* ini menyeru pembentukan kerajaan gabungan di Vietnam Selatan dan pengeluaran tentera asing.³⁹ *Communiqué* ini turut melahirkan sokongan terhadap “perjuangan” negara Cuba menentang imperialis Amerika Syarikat. Isi *joint communiqué* ini memperlihatkan pendirian pemimpin Indonesia yang bersimpati dengan perjuangan negara-negara pro-Komunis. Pendirian Indonesia ini tidak menyenangkan kerajaan Diem di Vietnam Selatan. Konsul Jeneral Vietnam Selatan mengemukakan bantahan umum terhadap kerajaan Indonesia kerana menandatangani *communiqué* dengan Viet Cong. Beliau menjelaskan pendirian kerajaan Ngo Dinh Diem yang melabelkan kumpulan ini sebagai “gerakan subversif menentang kerajaan Republik Vietnam”. Vietnam Selatan menganggap Viet Cong sebagai pertubuhan haram yang bertujuan untuk melancarkan kegiatan subversif ke atas pentadbiran Saigon. Pertubuhan yang memikul matlamat menyatukan Vietnam Selatan dengan Vietnam Utara di bawah pengaruh Komunis bertentangan sama sekali dengan kepemimpinan Saigon yang anti-Komunis. Pengiktirafan mana-mana negara sekutu ke atas Viet Cong mengeruhkan hubungan dengan Vietnam Selatan. Dalam bantahan ini Jeneral Vietnam Selatan turut menyifatkan delegasi Viet Cong itu sebagai “*phony delegation*” yang telah “mencabuli kesejahteraan masyarakat dan kerajaan Indonesia”.⁴⁰

Bantahan Konsul Jeneral Vietnam Selatan ini ada asasnya kerana dalam mesyuarat dengan delegasi Komunis tersebut, Sukarno menyatakan sokongan terhadap perjuangan Vietnam Utara. Selain daripada itu *communiqué* yang ditandatangani Indonesia dengan Viet Cong itu jelas menunjukkan sikap negara itu yang memihak kepada negara berkecuali. Bagi Vietnam Selatan negara-negara berkecuali itu merupakan negara yang memihak kepada Komunis. *Communiqué* yang dikeluarkan pada 28 September 1962 ini antara lain menyatakan persetujuan bersama untuk:

1. Memanggil Perhimpunan Agung PBB untuk menandatangani perjanjian pengharaman ujian nuklear dan perjanjian gencatan senjata dengan segera.

2. Sokongan terhadap cadangan Indonesia untuk mengadakan Persidangan Afro-Asian kedua serta mencadangkan negara-negara Amerika Latin turut serta.
3. Sokongan terhadap kerajaan campuran Putera Souvanna Phouma di Laos.
4. Sokongan terhadap dasar berkecuali Cambodia dan “dasar keamanannya”.⁴¹

Communiqué ini menunjukkan pendirian kedua-dua negara yang menentang campurtangan Barat di negara-negara baru merdeka. Pendirian ini mempunyai kaitan dengan pengalaman kedua-dua pihak yang berhadapan dengan tekanan Barat dalam melaksanakan cita-cita mereka. Indonesia mengalami kesukaran untuk menyelesaikan masalah untuk menjadikan Irian Barat sebagai sebahagian daripada negaranya ekoran campurtangan kuasa Barat. Begitu juga Viet Cong yang ditaja Vietnam Utara. Mereka juga berhadapan dengan masalah untuk menyatukan Vietnam akibat tekanan daripada Amerika Syarikat yang membantu kerajaan Diem. Masalah yang sama dihadapi Indonesia dan Viet Cong ini mendorong mereka mewujudkan hubungan baik antara satu sama lain.⁴²

Hubungan baik Jakarta-Hanoi menimbulkan implikasi negatif terhadap hubungan antara Saigon dengan Jakarta. Hubungan Vietnam Selatan dengan Indonesia agak hambar kerana pengiktirafan Jakarta terhadap Viet Cong dan persahabatannya dengan Vietnam Utara dan Cambodia. Viet Cong mempunyai pejabat perwakilan di Jakarta. Hubungan baik Indonesia dengan Vietnam Utara, China dan Korea Utara tidak menyenangkan Saigon. Hubungan ini menunjukkan secara jelas pendirian Jakarta yang memihak kepada musuh Saigon iaitu negara Komunis. Hubungan diplomatik Saigon dengan Jakarta putus pada Ogos 1964 apabila Indonesia mengumumkan keputusannya untuk mengadakan pertukaran kedutaan dengan Vietnam Utara.⁴³

Pertembungan pendirian antara Indonesia dengan Vietnam Selatan berhubung dengan dasar luarnya menyebabkan terputusnya hubungan diplomatik kedua-dua negara terputus pada 1964. Pendirian Indonesia yang bersifat anti-penjajah yang sekali gus ditujukan kepada kuasa Barat ini bertentangan sama sekali dengan pendirian Vietnam Selatan yang anti-Komunis dan pro-Barat. Ini disokong oleh pengalaman sukar yang dilalui Indonesia sekitar awal tahun 1960-an dalam menjadikan wilayah Irian Barat sebagai sebahagian daripada wilayahnya akibat campur tangan kuasa Barat dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Pengalaman ini mendorong Jakarta mengambil pendirian positif terhadap Vietnam Utara dan Viet Cong dalam hubungannya dengan Vietnam tanpa mengambil kira kepentingan hubungannya dengan Saigon. Meskipun bantahan tidak langsung ini ditujukan kepada kuasa Barat tetapi ia memberi kesan kepada hubungan Saigon dengan Jakarta. Hubungan Hanoi dengan Jakarta lebih mudah mencapai

keserasiannya. Ini kerana aspirasi Jakarta dengan Hanoi adalah sama iaitu untuk memelihara kedaulatan negara dan menamatkan campur tangan kuasa Barat. Ini bertentangan sama sekali dengan aspirasi Saigon yang mengharapkan bantuan dan sokongan dari Amerika Syarikat dan sekutunya. Langkah Jakarta mewujudkan hubungan diplomatik dengan Hanoi dan menubuhkan pejabat perwakilan Viet Cong di Jakarta adalah bertentangan sama sekali dengan dasar luar Saigon. Vietnam Selatan tidak mengiktiraf sama sekali kewujudan Viet Cong dan menganggap pertubuhan tersebut sebagai musuh kerajaannya. Saigon juga menyifatkan mana-mana pihak yang mengiktiraf Viet Cong juga adalah musuhnya. Ini menyebabkan hubungan diplomatik Saigon-Jakarta terjejas kerana pengiktirafan Indonesia terhadap Viet Cong tidak dapat diterima pemerintahan pro-Barat itu.

Vietnam Utara yang melaksanakan strategi untuk mengurangkan sokongan luar terhadap Vietnam Selatan mengambil kesempatan ketegangan hubungan tersebut dengan mempertingkatkan hubungan yang baik dengan Indonesia. Hanoi juga melaksanakan strategi untuk mengurangkan sokongan terhadap blok Barat yang pro-Saigon. Ini mendorongnya menyokong langkah yang diambil Indonesia untuk keluar dari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Agensi Berita Vietnam Utara melaporkan dalam harian *Nhan Dan* yang tindakan Indonesia itu sebagai “tepat dan menepati kepentingan Indonesia dan keamanan di Asia Tenggara juga dunia”.⁴⁴ Harian tersebut juga menyatakan keputusan itu kesan daripada kemarahan masyarakat Indonesia dan Asia Tenggara dan dunia keseluruhannya terhadap tindakan angkuh dasar penjajahan Amerika Syarikat dengan Britain.⁴⁵ Dasar luar Indonesia berubah setelah Soekarno digantikan Suharto pada 1966. Walaupun Suharto memperlihatkan dasar berkecuali dalam pemerintahannya tetapi ia lebih condong kepada Barat.⁴⁶

Era Transisi Sukarno dengan Suharto

Era transisi antara Sukarno dengan Suharto memperlihatkan keadaan huru hara di Indonesia. Ini ditandai dengan peristiwa Gerakan 30 September 1965 yang mengetepikan persoalan kemanusiaan.⁴⁷ Sebagai menunjukkan sikap setiakawan terhadap Sukarno, Vietnam Utara menuduh yang penglibatan Amerika Syarikat di Indonesia sekitar 1966-67 dengan alasan membantu golongan “anti-Komunis” itu sebagai perang ke atas masyarakat Indonesia. Perang ini jelas dengan pembunuhan ramai warga Indonesia ketika kempen tersebut.

Berdasarkan kenyataan Presiden Sukarno pada 15 Januari 1966, sepanjang kempen anti-Komunis Amerika Syarikat di negara tersebut antara awal Oktober 1965 hingga pertengahan Januari 1966, seramai 87,000 masyarakat Indonesia terbunuh. Selain daripada itu beribu-ribu penduduk ditahan dipenjara dan disiksa dengan kejam.⁴⁸ Tentera Indonesia yang mendapat arahan Central

Intelligence Agency (C.I.A.) mara ke Jakarta dan membentuk Majelis Jeneral (*council of generals*). Mereka merancang untuk melancarkan *coup de etat* bagi menggulingkan Presiden Sukarno.⁴⁹ Vietnam Utara menganggap tindakan ini bertujuan untuk menghapuskan gerakan anti-imperialis dan anti-kolonialis di Indonesia serta menjadikan negara itu sebagai koloni bentuk baharu Amerika Syarikat. Vietnam Utara juga menganggap Gerakan 30 September 1965 itu sebagai gerakan penentangan terhadap usaha Amerika Syarikat tersebut.

Pada 13 Februari 1966 dalam perhimpunan besar-besaran diadakan di Jakarta membantah penjajahan serta penerusan usaha pengeboman ke atas Vietnam Utara, Presiden Sukarno menyanjung tinggi Parti Komunis Indonesia dengan menyatakan: ‘Saya menganggap Parti Komunis Indonesia sebagai satu-satunya parti politik di Indonesia yang menyumbangkan serta tidak berputus asa dalam mempertahankan kemerdekaan Indonesia’ (*I hold that the Indonesian Communist Party is the only political party in Indonesia which had an enormous contribution and sacrifices to the independence of Indonesia*).⁵⁰ Kenyataan Sukarno tersebut memperlihatkan sokongannya terhadap PKI dan Vietnam Utara. Masalahnya dengan golongan pro-Amerika Syarikat di Indonesia turut mendapat perhatian daripada Hanoi.

Antara reaksi Hanoi kepada masalah yang dihadapi Sukarno, akhbar mingguan *Vietnam Courier* menyiarkan bantahan masyarakat Vietnam Utara terhadap tindakan Indonesia (pimpinan Suharto) yang bertindak ganas golongan yang dianggap sebagai patriotik di Indonesia termasuk anggota PKI. Akhbar tersebut menyatakan Vietnam Utara menyeru semua pihak yang menghargai kemerdekaan, demokrasi, keamanan dan keadilan di seluruh dunia bertindak segera, secara berkesan dan bersungguh-sungguh untuk menyokong masyarakat Indonesia dan menentang anasir ‘barbarian’ yang disertai pakatan Amerika Syarikat dengan sekutunya di Indonesia. Vietnam juga menuntut supaya golongan yang bersengkongkol dengan Amerika Syarikat di Indonesia, agar menghentikan keganasan ‘kulit putih’ di negara itu, membebaskan semua tahanan yang tidak berdosa; dan membayar ganti rugi kepada keluarga mangsa keganasan yang kematian ahli keluarga dan mengalami kemusnahan tempat tinggal akibat kekejaman Amerika Syarikat dengan sekutunya. Vietnam Utara juga menyokong dasar Presiden Sukarno menyatukan seluruh masyarakat Indonesia mempertahankan kemerdekaannya juga penentangannya terhadap Malaysia, imperialism serta kolonialisme bentuk baharu atau lama.⁵¹

Walau bagaimanapun pada 20 Jun 1966, golongan pro-Amerika Syarikat berjaya menguasai Pemerintahan Indonesia. Mereka menyingkirkan 140 ahli parlimen dari Parti Komunis Indonesia dan lain-lain parti. Pada 5 Julai 1966, “*people’s consultative congress*” Indonesia dikuasai sepenuhnya oleh golongan pro-Amerika Syarikat. Kerajaan baharu ini memperkenalkan dasar luar ‘Order Baru’ yang disifatkan oleh Vietnam Utara sebagai pro-Imperialis. Dasar luar baru Indonesia telah membatalkan konfrontasi dengan Malaysia

dan memulihkan dasar persahabatan. Warga Amerika Syarikat juga mula menguasai beberapa institusi antarabangsa Indonesia.

Perkembangan sosiopolitik yang memperlihatkan kuasa politik Indonesia ditukar ganti dengan golongan yang dicap bersekongkol dengan Barat di bawah pimpinan Suharto dan Nasution ini hanyalah sebagai senapang dan bayonet sahaja. Menurut Hanoi, masyarakat Indonesia membenci mereka dan tidak putus asa untuk berjuang bagi menumbangkannya.⁵² Menurutnya lagi masyarakat Indonesia sedang berada di dalam zaman sukar, dalam persaingan antara masyarakat dengan pemberontak, pengikut imperialis, antara pasukan revolusionari dengan penentang revolusionari. Hanoi begitu yakin persaingan ini akan dimenangi oleh golongan revolusionari dan Komunis.⁵³

Selepas Era Sukarno

Dasar luar 'Order Baru' Indonesia berubah dari menyokong penuh Viet Cong dengan Vietnam Utara kepada menyokong usaha penyelesaian masalah Vietnam oleh masyarakat Vietnam tanpa campur tangan asing. Jakarta tetap berpegang kepada pendiriannya menyokong masyarakat Vietnam dan mencadangkan supaya tentera Amerika Syarikat perlu keluar dari Negara Indochina itu.⁵⁴ Langkah mengekalkan pendirian dasar luar berkecualinya Indonesia, membolehkannya berperanan sebagai pengantara dalam menyelesaikan krisis Vietnam. Antara langkah yang diambil termasuk mengadakan perbincangan dengan pihak pro-Hanoi. Ia dimulakan pada 25 Oktober 1966, apabila Menteri Luar Indonesia Adam Malik mengunjungi Moscow untuk membincangkan dengan Kremlin berhubung usaha meredakan ketegangan di Vietnam. Beliau mencadangkan supaya satu perjumpaan diadakan bagi menemukan kuasa-kuasa besar yang terlibat dalam konflik di Vietnam Selatan.⁵⁵ Indonesia merupakan negara yang sesuai berunding dengan Soviet Union kerana mempunyai hubungan diplomatik. Ia dilihat sesuai berperanan sebagai pengantara dalam menyelesaikan krisis Vietnam kerana hubungan diplomatiknya dengan kedua pihak yang bertelingkah iaitu Moscow, Beijing, Hanoi dan Washington.⁵⁶ Menurut sumber Pejabat Luar Negara, Indonesia bersedia membantu menjadi pengantara tetapi enggan membincangkan secara terperinci untuk mengelakkan hilangnya kepercayaan daripada kedua-dua pihak.⁵⁷ Adam Malik menyatakan "Vietnam Utara bergantung kepada Moscow dari segi keupayaan perangnya. Jika Moscow menunjukkan minatnya untuk menyelesaikan konflik tersebut, Hanoi pasti mengikutinya."⁵⁸

Penutup

Hubungan Vietnam dengan Indonesia era Sukarno membuktikan era awal Perang Vietnam di Asia Tenggara tidak mengizinkan prinsip berkecuali secara

mutlak diamalkan oleh negara-negara rantau ini. Ia sentiasa dikaitkan dengan konsep berkecuali dalam kerangka pro-Komunis atau pro-Barat. Kes Indonesia berjaya membuktikan era pemerintahan Sukarno sebagai era berkecuali yang dilabelkan Barat sebagai pro-Komunis. Ini jelas apabila Sukarno menjalin hubungan erat dengan blok pro-Komunis dan mengamalkan dasar anti-Barat. Manakala era selepasnya memperlihatkan prinsip berkecuali Indonesia itu berada di dalam kerangka pro-Barat. Hubungan Vietnam dengan Indonesia dapat memperjelaskan lagi konsep tersebut. Keadaan berterusan sehingga penubuhan ASEAN yang berjaya menyatukan negara-negara rantau ini atas prinsip berkecuali yang lebih luas.

Nota Hujung

- ¹ Komanwel merupakan konsep yang diamalkan British untuk mengikat negara-negara bekas tanah jajahannya manakala 'Program Bantuan' pula digunakan oleh Amerika Syarikat untuk mengikat negara-negara rantau ini.
- ² Vietnam yang pada dasarnya merdeka setelah kejayaannya menewaskan tentera Perancis dalam pertempuran terakhirnya di Dien Bien Phu. Dengan campur tangan Amerika Syarikat dengan sekutu-sekutu yang lain satu persidangan diadakan di Geneva pada 1954 yang memperlihatkan Vietnam dibahagi kepada dua iaitu Utara dengan Selatan. Perjanjian Geneva hanya memutuskan pembahagian ini hanya sementara sehingga satu pilihan raya dibuat untuk memilih pemimpin Vietnam yang bersatu. Keengganan Vietnam Selatan melaksanakan Klaus ini menyebabkan penyatuan terpaksa dilakukan melalui peperangan, antara 1960-1975. Untuk maklumat lanjut lihat, Bernard B. Fall. (1967). *The Two Viet-Nams: A Political and Military Analysis*, Edisi Kedua (Semakan). New York: Praeger, bagi mendapatkan maklumat lanjut berhubung dengan perjuangan kemerdekaan menentang Perancis, lihat E. J. Hammer. (1966). *The Struggle for Indochina 1940-1955*, Stanford, California: Stanford University Press. Bab 1-2.
- ³ Michael Leifer (1974). *The Foreign Relations of the New States*. Australia: Longman. Hlm. 45.
- ⁴ The American University. (1967). *Area Handbook for North Vietnam*. Washington, D.C.: Foreign Area Studies. hlm. 196-197.
- ⁵ Untuk maklumat lanjut tentang hubungan Hanoi dengan Beijing dan Moscow lihat Douglas Pike. (1987). *Vietnam and the Soviet Union*. Boulder and London: Westview Press. hlm. 51-105.
- ⁶ The American University, *Area Handbook for North Vietnam*, hlm. 196-197.
- ⁷ Ibid.
- ⁸ *75th Years of the Communist Party of Viet Nam (1930-2005): A Selection of Documents From Nine Party Congresses*. (2005). Hanoi: The Gioi Publishers. Hlm. 305.
- ⁹ The American University, *Area Handbook for North Vietnam*, hlm. 196-197.
- ¹⁰ *Hoc Tap*, April, (1966), hlm. 12.
- ¹¹ Ibid.
- ¹² Hoang Ngoc Thanh and Than Thi Nhan Duc. (2001). *Presiden Ngo Dinh Diem and The US His Overthrow and Assassination*. San Jose, CA: Tuan-Yen and Quan-Viet Mai Nam Publisher. hlm. 12-23.
- ¹³ Luu Van Loi. (2006). *50 Years of Vietnamese Diplomacy*. Hanoi: The Gioi Publishers. hlm. 640-641. Juga terkandung dalam, From Geneva Conference (United Kingdom Delegation) telegram no. 1019 and 1020 to Foreign Office, 21 Julai 1954, FO 371/112081.

- ¹⁴ The American University, *Area Handbook for North Vietnam*, hlm. 196-197.
- ¹⁵ Ibid.
- ¹⁶ Ibid.
- ¹⁷ Michael Leifer. (1974). *The Foreign Policy of the New States*. hlm. 45-46.
- ¹⁸ Hoang Ngoc Thanh and Than Thi Nhan Duc, *Presiden Ngo Dinh Diem and The US His Overthrow and Assassination*, hlm. 12-23.
- ¹⁹ Ibid.
- ²⁰ Ibid.
- ²¹ Beliau yang merupakan mantan Menteri Luar Indonesia menulis “if you look at a map of our country, you can see that we are surrounded by states which have associated themselves in SEATO or which are members of the Commonwealth. As a matter of fact we are isolated.” Lihat Subandrio, “The Task of the Foreign Service,” ucapan pada 20 Julai 1959, dalam Indonesia. (1963). *Indonesia on the March*, Djakarta: Department of Foreign Affairs, hlm. 97-98.
- ²² Untuk memahami komplot golongan pro-Barat dalam menjatuhkan Sukarno lihat, Audrey R. Kahin And George Mct. Kahin. (1995). *Subversion as Foreign Policy: The Secret Eisenhower and Dulles Debaclé in Indonesia*. New York: New Press.
- ²³ Untuk penerangan lanjut lihat, Herbert Feith. (1962). *The Decline of Constitutional Democracy in Indonesia*. Ithaca: Cornell University Press, hlm. 192-206. Walaupun era ini China menghantar dutanya ke Jakarta tetapi Indonesia hanya membalas dengan menghantar *charge d'affaires* ke Peking pada 14 Januari 1951. lihat *Ibid*, hlm. 87.
- ²⁴ Walaupun era ini China menghantar dutanya ke Jakarta tetapi Indonesia hanya membalas dengan menghantar *charge d'affaires* ke Peking pada 14 Januari 1951. lihat *Ibid*, hlm. 87. juga dipetik oleh Jon M. Reinhardt. (1971). *Foreign Policy and National Integration*. Monograf Series No. 17. Connecticut: Yale University Southeast Asia Studies. hlm. 43.
- ²⁵ Ibid.
- ²⁶ Tindakan ini dianggap kontroversi kerana ia memperlihatkan kepemimpinan Sukiman seolah-olah bertolak ansur dengan pihak Jepun yang banyak menimbulkan kesukaran kepada masyarakat negara itu era pendudukannya sepanjang Perang Dunia Kedua (1941-45).
- ²⁷ Indonesia juga mengharapakan dengan dasar luar pro-Barat ini akan memudahkannya mendapatkan sokongan kuasa Barat terhadap tuntutan ke atas tanah jajahan Belanda yang belum merdeka iaitu New Guinea. Lihat Sjahrir. (1968). *Perjuangan Kita* (diterjemahkan oleh Benedict R. O’G. Anderson), *Our Struggle*. Ithaca: Cornell Modern Indonesia Project Translation Series, hlm. 25, seperti yang dipetik oleh Jon M. Reinhardt. (1971). *Foreign Policy and National Integration*. hlm. 43.
- ²⁸ Isu ini memperlihatkan Indonesia menuntut tanah jajahan Belanda iaitu Irian Barat. Ini sebagai merealisasikan hasrat melengkapkan wilayah negara itu “dari Sabang sampai Merauke.” Krisis ini turut diulas dalam U.S. DEPARTMENT OF STATE, *FRUS*, Foreign Relations, 1961-63, Vol XXIII, Southeast Asia, Office of the Historian.
- ²⁹ Untuk maklumat lanjut tentang paksi “Jakarta-Hanoi-Peking” lihat Justus M. van der Kroef, “The Sino-Indonesian Partnership,” *Orbis* 8, Summer (1964), hlm. 332-356. Pakatan ini memperlihatkan Indonesia sebagai negara pro-Beijing. Ini dipamerkan ketika Persidangan Negara-Negara Berkecuali di Cairo. Lihat Harold C. Hinton. (1966). *Communist China in World Politics*. Boston: Houghton Mifflin, hlm. 440.
- ³⁰ Hubungan Indonesia-Belanda terputus ketika usaha Indonesia mendapatkan hak ke atas Irian Barat mendapat kritikan daripada Barat. Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang krisis ini lihat, George Modelski (ed.). (1963). *The New Emerging Forces, Document an the ideology of Indonesian Foreign Policy*, Canberra: ANU Press.
- ³¹ Untuk maklumat lanjut tentang dasar luar Indonesia zaman pemerintahan Sukarno lihat Jon M. Reinhardt. (1971). ‘Foreign Policy and National Integration: The Case of Indonesia’. Monograf Series No. 17. Yale: Yale University Southeast Asia Studies.

- ³² Ibid. *The Bangkok Post*, 28 Februari 1959.
- ³³ Ibid.
- ³⁴ Ketika Indonesia mengisytiharkan kemerdekaannya pada 17 Ogos 1945, ia menuntut seluruh wilayah tanah jajahan Hindia Timur Belanda termasuk wilayah Barat Pulau Papua. Namun demikian, pihak Belanda menganggap wilayah itu masih menjadi salah satu salah satu provinsi Kerajaan Belanda. Namun pemerintah Indonesia menentang hal ini dan Papua menjadi daerah pertikaian antara Indonesia dan Belanda. Pada bulan Desember 1950, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) memutuskan bahwa Papua Barat memiliki hak merdeka sesuai dengan pasal 73e Piagam PBB. Tuntutan Indonesia terhadap Papua Barat menyebabkan Belanda mengundang Indonesia ke Mahkamah Antarabangsa untuk menyelesaikan masalah ini, namun Indonesia menolak. Masalah ini berlarutan sehinggalah diselesaikan melalui pungutan suara pada 1969 dengan diperhatikan oleh PBB. Hasil pungutan suara tersebut Papua bergabung dengan Indonesia. Amerika Serikat yang tidak mahu Indonesia bergabung dengan pihak komunis Soviet Union telah menyokong keputusan tersebut. Papua Barat menjadi wilayah ke-26 Indonesia, dengan nama Irian Jaya. Untuk maklumat lanjut lihat U.S. DEPARTMENT OF STATE, *FRUS*, Foreign Relations, 1961-63, Vol XXIII, Southeast Asia, Office of the Historian.
- ³⁵ *The Bangkok Post*, 28 Februari 1959.
- ³⁶ Ibid.
- ³⁷ Viet Cong merupakan gerakan bersenjata yang ditubuhkan di Vietnam Selatan untuk memperjuangkan penyatuan Vietnam. Aktiviti gerakan ini ialah melancarkan serangan ke atas tentera kerajaan Vietnam Selatan serta Amerika Syarikat dengan sekutunya. Untuk maklumat lanjut tentang pertubuhan Viet Cong yang juga dikenali sebagai 'National Liberation Front' lihat Woody Kipp. (2004). *Viet Cong at Wounded Knee: The Trail of a Blackfeet Activist*. Lincoln, NE: University of Nebraska Press. Jay Taylor menyifatkan pengiktirafan Indonesia ke atas sayap Komunis di Vietnam Selatan ini sebagai manifestasi daripada hubungan baiknya dengan China. Lihat Jay Taylor. (1974). *China and Southeast Asia: Peking's Relations with Revolutionary Movements*. New York: Praeger Publishers. hlm. 97.
- ³⁸ *The Bangkok Post*, 22 September 1962.
- ³⁹ Ibid.
- ⁴⁰ Ibid.
- ⁴¹ *The Bangkok Post*, 22 September 1962.
- ⁴² Perkembangan aktiviti diplomasi Viet Cong ini dihuraikan dengan terperinci dalam buku, Robert K. Brigham. (1998). *Guerilla Diplomacy: The NLF's Foreign Relations and the Viet Nam War*. Ithaca, New York: Cornell University Press.
- ⁴³ The American University, *Area Handbook for South Vietnam*, hlm. 257-279
- ⁴⁴ *Nhan Dan*, 5 Januari 1965.
- ⁴⁵ *Nhan Dan*, 5 Januari 1965. juga lihat *The Saigon Post*, 6 Januari 1965.
- ⁴⁶ Franklin B. Weinstein. (1976). *Indonesia Foreign policy and the dilemma of dependence*. Ithaca, N.Y.: Cornell University Press. hlm. 131.
- ⁴⁷ Gerakan ini memperlihatkan pertelingkahan yang mengorbankan ramai masyarakat Indonesia. Untuk melihat kekacauan yang dimaksudkan lihat Lihat Audrey R. Kahin, *Subversion as Foreign Policy*, khususnya bab. 6 dan 7.
- ⁴⁸ Lidah rasmi Hanoi *Nhan Dan* bertarikh 18 Mac 1966 mendakwa Amerika Syarikat dengan sekutunya di Indonesia melakukan jenayah dalam usaha menamatkan kuasa Presiden Sukarno. Akhbar itu juga menjelaskan pendirian Vietnam Utara yang sentiasa bersama dengan masyarakat Indonesia berlandaskan prinsip setiakawan dan kesatuan ketenteraan. Hanoi sentiasa memberi perhatian terhadap apa yang berlaku di Indonesia. Tuntutan sentiasa diajukan kepada golongan pro-Amerika Syarikat Indonesia agar menamatkan tekanan kepada masyarakatnya termasuk Komunis, Lihat *Nhan Dan*, 18 Mac 1966.

- ⁴⁹ Bagi menggagalkan rampasan kuasa oleh Dewan Jeneral, sekumpulan pegawai Indonesia yang dipercayai PKI melancarkan operasi menangkap enam pegawai tinggi tentera. Mereka telah dibunuh dan dimasukkan ke dalam 'lubang buaya'. Untuk maklumat lanjut lihat Bernhard Dahm. (1971). *History of Indonesia In The Twentieth Century*. London: Pall Mall.
- ⁵⁰ *Reuter*, 14 Februari 1966.
- ⁵¹ *Vietnam Courier*, 24 Februari 1966.
- ⁵² *Vietnam Courier*, 14 July 1966.
- ⁵³ *Ibid*.
- ⁵⁴ *Politik Luar Negeri Indonesia Dipimpin Oleh Falsafah Pantja-Sila: Pidato Waperdam/ Menlu Adam Malik Dimuka Sidang DPR-GR pada Tanggal 5 Mei 1966*, Jakarta: Kementerian Penerangan, hlm. 27-28, seperti yang dipetik oleh Franklin B. Weinstein, *Indonesia Foreign policy and the dilemma of dependence*, hlm.131.
- ⁵⁵ *The Saigon Post*, 16 Oktober 1966.
- ⁵⁶ *Ibid*.
- ⁵⁷ *The Saigon Post*, 17 Oktober 1966.
- ⁵⁸ *Ibid*.

Bibliografi

Sumber Arkib

FO 371/112081, Geneva conference: text of final declaration by the conference, 21 July 1954, National Archives, Kew. U.K.

Akhbar

Hoc Tap, April, 1966.
Nhan Dan, 5 Januari 1965.
Nhan Dan, 18 Mac 1966.
Reuter, 14 Februari 1966.
The Saigon Post, 6 Januari 1965.
The Bangkok Post, 28 Februari 1959.
The Bangkok Post, 22 September 1962.
Vietnam Courier, 24 Februari 1966.
Vietnam Courier, 14 July 1966.

Dokumen Yang Diterbitkan

75th Years of the Communist Party of Viet Nam (1930-2005): A Selection of Documents From Nine Party Congresses. (2005). Hanoi: The Gioi Publishers.

Politik Luar Negeri Indonesia Dipimpin Oleh Falsafah Pantja-Sila: Pidato Waperdam/ Menlu Adam Malik Dimuka Sidang DPR-GR pada Tanggal 5 Mei 1966, Jakarta: Kementerian Penerangan, 1966.

Subandrio, "The Task of the Foreign Service," ucapan pada 20 Juli 1959, dalam Indonesia. (1963). *Indonesia on the March*, Djakarta: Department of Foreign Affairs.

U.S. DEPARTMENT OF STATE, *FRUS*, Foreign Relations, 1961-63, Vol. XXIII, Southeast Asia, Office of the Historian.

Artikel Jurnal

Justus M. van der Kroef, "The Sino-Indonesian Partnership," *Orbis* 8, Summer 1964,

Buku

- Brigham, R K. (1998). *Guerilla Diplomacy: The NLF's Foreign Relations and the Viet Nam War*. Ithaca, New York: Cornell University Press.
- Dahm, B. (1971). *History of Indonesia In The Twentieth Century*. London: Pall Mall.
- Fall, B. B. (1967). *The Two Viet-Nams: A Political and Military Analysis*, Edisi Kedua (Semakan) New York: Praeger.
- Feith, H. (1962). *The Decline of Constitutional Democracy in Indonesia*. Ithaca: Cornell University Press.
- Franklin B. Weinstein. (1976). *Indonesia Foreign policy and the dilemma of dependence*. Ithaca, N.Y. : Cornell University Press. hlm. 131.
- Hammer, E. J. (1966). *The Struggle for Indochina 1940-1955*, Stanford, California: Stanford University Press.
- Hinton, H.C. (1966). *Communist China in World Politics*. Boston: Houghton Mifflin.
- Kahin, A.R. And Kahin, G. M. (1995). *Subversion as Foreign Policy: The Secret Eisenhower and Dulles Debacle in Indonesia*. New York: New Press.
- Kipp, W. (2004). *Viet Cong at Wounded Knee: The Trail of a Blackfeet Activist*. Lincoln, NE: University of Nebraska Press.
- Leifer, M. (1974). *The Foreign Relations of the New States*. Australia: Longman.
- Loi, Luu Van. (2006). *50 Years of Vietnamese Diplomacy*. Hanoi: The Gioi Publishers.
- Pike, D. (1987). *Vietnam and the Soviet Union*. Boulder and London: Westview Press.
- Modelski, G. (ed.). (1963). *The New Emerging Forces, Document an the ideology of Indonesian Foreign Policy*, Canberra: ANU Press.
- Reinhardt, J.M. (1971). *Foreign Policy and National Integration*. Monograf Series No. 17. Connecticut: Yale University Southeast Asia Studies. hlm. 43.
- Sjahrir. (1968). *Perjuangan Kita* (diterjemahkan oleh Benedict R. O'G. Anderson), *Our Struggle*. Ithaca: Cornell Modern Indonesia Project Translation Series.
- Taylor, J. (1974). *China and Southeast Asia: Peking's Relations with Revolutionary Movements*. New York: Praeger Publishers.
- Thanh, H. N. and Duc, T.T.N. (2001). *Presiden Ngo Dinh Diem and The US His Overthrow and Assassination*. San Jose, CA: Tuan-Yen and Quan-Viet Mai Nam Publisher.
- The American University. (1967). *Area Handbook for North Vietnam*. Washington, D.C.: Foreign Area Studies.